Rujukan: KP/ICT/PK1/TC/2026/C (91)

SEBUTHARGA JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Bil	Bilangan dan Tajuk Sebutharga	Tarikh Iklan Dibuka	Tarikh Iklan Ditutup
1	**Bilangan Sebutharga: DA/JKSH/ICT02/2026** **Tajuk Sebutharga: Pengendalian Kursus Tahun Kewangan 2026/2027 bagi: SOFTWARE DEVELOPMENT WORKSHOP: LARAVEL (PHP)**	**Hari Sabtu, 07 November 2026**	**Hari Sabtu, 21 November 2026 Jam 9:00 Pagi**
2	**Bilangan Sebutharga: DA/JKSH/ICT03/2026** **Tajuk Sebutharga: Pengendalian Kursus Tahun Kewangan 2026/2027 bagi: SOFTWARE DEVELOPMENT WORKSHOP: .NET**	**Hari Sabtu, 07 November 2026**	**Hari Sabtu, 21 November 2026 Jam 9:00 Pagi**

Untuk makluman, dokumen sebutharga akan dikenakan bayaran yuran sebanyak **BND$5.00**. Tempat pembayaran yuran dan pengambilan dokumen sebutharga adalah **di Kaunter 8, Pusat Perkhidmatan Setempat, "One Stop Centre" di Tingkat Aras Bawah Blok 'C', Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510.**

Tarikh tutup sebutharga di atas adalah pada **hari Sabtu, 21 November 2026 jam 9:00 Pagi.** Sebutharga yang lengkap dihantar **ke Peti Sebutharga Program 1 Pusat Perkhidmatan Setempat "One Stop Centre' Blok Aras Bawah, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510**.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA
BAGI PENGENDALIAN KURSUS SPECIALISED
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

l . SYARAT-SYARAT AM

1.1. Sebutharga adalah terbuka untuk syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dimiliki dan dijalankan oleh Warga Negara Tempatan / Penduduk Tetap.

1.2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan dan disediakan oleh Kementerian Pendidikan, Brunei Darussalam.

1.3. Semua maklumat yang diisi serta harga hendaklah ditulis dalam dakwat kekal dan berwarna biru.

I .4. Sebutharga-sebutharga yang Iewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Sebutharga tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

I .5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang paling rendah atau sebarang Sebutharga yang tidak munasabah.

1.6. Penender yang menolak atau membatalkan Sebutharga atau kontrak setelah kebenaran sebutharga diperolehi atau setelah tutup sebutharga akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

2. KELENGKAPAN MAKLUMAT

2.1. Semua maklumat yang dihadapkan di dalam borang sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap, jelas dan tepat. Setiap borang yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak tepat akan menyebabkan permohonan untuk ditolak.

2.2. Sila pastikan jumlah harga yang dinyatakan dalam borang sebutharga ditulis dengan lengkap, tepat, serta dalam bentuk perkataan yang jelas (Contoh: BND$5,000.00, Jumlah Dalam Perkataan: Lima Ribu Dolar Brunei). Setiap borang yang mana jumlah harga tidak ditulis dengan tepat, tidak jelas atau tidak lengkap, permohonan akan dianggap tidak sah dan akan ditolak tanpa pertimbangan.

2.3. Setiap sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dicap Syarikat pada ruang-ruang yang dikehendaki.

2.4. Borang sebutharga yang ditandatangani menggunakan cap jari, tidak akan diterima.

2.5. Sebutharga adalah terikat di dalam satu bentuk dan tidak memerlukan penggantian muka surat.

3. PENGUBAHAN DAN PEMBETULAN

3.1. Semua pengubahan I pembetulan atau pembatalan tidak akan diterima kecuali pengubahan I pembetulan atau pembatalan di dalam borang ditandatangani serta di cap oleh Syarikat / Penender.

3.2. Pengubahan / pembetulan dalam borang sebutharga (jika ada) adalah dengan Cara memotong yang tidak betul dan menulis semula pembetulan di atasnya dan ditandatangani serta dibubuh cop Syarikat I Penender berkenaan.

3.3. Kerajaan boleh membatalkan sebutharga yang dilakukan dengan meminda harga sebutharga yang meragukan dengan menggunakan cecair pembetulan atau agen pemadam lain. Sebarang pindaan hendaklah dibuat dengan menulis angkaangka yang dipinda di atas angka asal. Semua pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani dan dicap oleh Tuan punya Syarikat tersebut.

4. DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

4.1. Setiap borang Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Resit Pembayaran Dokumen Sebutharga.

4.2. Setiap borang Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan sijil Pendaftaran Perniagaan (16 dan 17) bagi perniagaaan tunggal (Sole Proprietorship) atau salinan borang Certificate of Tax Compliance bagi syarikat yang berdaftarkan sebagai Sendirian Berhad.

4.3. Semua dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam senarai semak sebutharga bagi pengendalian kursus signature dan modular hendaklah dihadapkan dengan lengkap dan jelas. Sebarang kegagalan dalam menghadapkan dokumen yang diperlukan dengan lengkap dan jelas boleh menjejaskan proses penilaian sokongan.

5. BAYARAN YURAN SEBUT HARGA

5.1. Kadar bayaran yuran borang Sebutharga adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Sebutharga.

5.2. Bayaran Yuran Sebutharga bagi setiap sebutharga boleh dibuat dalam bentuk pembayaran secara wang tunai, debit / credit card atau dalam talian (online) di Tingkat Aras Bawah, One Stop Centre Blok C, Kaunter 8, Unit Tunai dan Hasil, Bahagaian Perkhidmatan Kewangan dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam. Sila pastikan Resit Pembayaran Yuran Sebutharga yang diterima adalah betul.

5.3. Yuran sebutharga tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar sebutharga yang jujur.

6. ȚEMPAȚ DAN WARTU PENYERAHAN

6.1. Sebutharga-sebutharga hendaklah dihantât dałam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Sebutharga, Țajuk Sebutharga dan Țârikh Tułup Sebutharga tanpa menunjukkan identiti Penender dan ditujukan kepada:ă

Pengerusi,
Jawatankuasa Sebutharga Program I,
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan
Bangunan Kementerian Pendidikan,
Blok 'A' Tingkat l, Bahagian Perkhidmatan Kewangan ‘A’,
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6.2. Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti berikut:-

PETI SEBUTHARGA
SEBUTHARGA PROGRAM I
JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN

PUSAT PERKHIDMATAN SETEMPAT "ONE STOP CENTRE”
LANTA BAWAH BLOK "C”, BANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS BB35 1 0,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

7. PERMOHONAN YANG DITOLAK

7. l. Permohonan sebutharga akan dikira tidak sah untuk dinilai dan akan ditolak jika:-

a) Borang sebutharga tidak ditulis dan tidak diisi dengan lengkap, jelas dan tepat.
b) Jumlah harga tidak ditulis dengan lengkap dan tepat, serta tidak ditulis dalam bentuk perkataan secara jelas.
c) Syarikat tidak menyertakan sijil Pendaftaran Perniagaan (16 dan 17) bagi perniagaaan tunggal (Sole ProprietorshiP) atau salinan borang Certificate of Tax Compliance bagi syarikat yang berdaftarkan sebagai Sendirian Berhad.
d) Syarikat tidak menyertakan Salinan Resit Pembayaran Dokumen Sebutharga.
e) Terdapat sebarang perubahan I pembatalan maklumat yang telah diisi termasuk Harga Tawaran yang menggunakan "Blanco” atau tulisan berulang-ulang I bertindih yang tidak ditandatangani / initial serta tidak dicap Syarikat.
f) Borang sebutharga ditandatangani dengan menggunakan CAP JARI,
g) Pemohon didapati menggunakan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 orang yang sudah meninggal dunia.